



GANDINGAN atlet baharu dan berpengalaman berjaya meletakkan UPM selaku juara acara Olimpik recurve wanita berpasukan pada aksi final semalam.

Podium emas kekal milik UPM

SKUAD memanah Universiti Putra Malaysia (UPM) mengekalkan penguasaan podium pada aksi pusingan Olimpik recurve wanita berpasukan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kampus Skudai, Johor semalam.

Temasya SukIPT 2016 kali ini menyaksikan skuad memanah UPM ditarik oleh Nur Atiqah Azizi, Shahira Abd. Halim, Fairuz SM Rahim serta Cheryl Rudang Goh Pei Loke menamatkan saingan akhir dengan menang 6-0 ke atas Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Jurulatih UPM, Faiz Mokhtar Lopi pula ternyata bangga menyaksikan pencapaian atlet-atletnya mempertahankan pingat emas yang turut pernah dimenangi mereka pada dua edisi temasya SukIPT sebelum ini.

"Saingan kali ini lebih sengit berbanding siri-siri sebelum ini atas faktor kualiti peserta yang semakin meningkat. Biarpun tidak mempunyai pemain (wakil) kebangsaan dalam pasukan, kami masih mampu mempertahankan status kejuaraan bagi acara

ini," katanya ketika ditemui semalam.

Tambah jurulatih berusia 34 tahun itu, kehadiran dua pemah yang pernah menyertai SukIPT sebelum ini juga banyak memberi kelebihan kepada skuad UPM terutama dari segi pengalaman.

"Tidak dinafikan, berdasarkan pengalaman mereka sebelum ini, Fairuz dan Shahira banyak memberi tunjuk ajar kepada Atiqah serta Cheryl yang sekali gus dapat meningkatkan mutu persembahan berpasukan.

"Apa yang saya tekankan kepada mereka ialah sentiasa fokus kepada saingan dan bukan kepada pasukan lawan yang bertanding," tambah Faiz.

Sementara itu, UTM menjadi pasukan tempat ketiga yang membawa pulang pingat gangsa bagi acara tersebut.

Pertarungan pusingan Olimpik recurve lelaki berpasukan pula menyaksikan Universiti Malaya (UM) menewaskan UPM untuk meraih pingat emas, manakala gangsa dibawa pulang UniSZA.